

STANDARD GURU MALAYSIA DALAM PROGRAM  
PERSEDIAAN GURU REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI

NURUL SYAHADA BINTI MOHD SUHAIMI

Laporan Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Julai 2017

## PENGHARGAAN

Setinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran Ilahi di atas limpah kurnia dan rahmatNya, Keseluruhan kajian bagi Projek Sarjana ini telah pun siap dilaksanakan. Dalam menyiapkan projek ini, saya mendapat bantuan serta tunjuk ajar daripada pelbagai pihak. Oleh itu, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang berkenaan.

Setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih dirakamkan buat penyelia projek saya iaitu Dr. Jamil Bin Abd Baser atas panduan, bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan secara profesional. Tunjuk ajar yang diberikan sangat berguna dan bermanfaat untuk diri saya sendiri pada masa sekarang dan akan datang.

Ucapan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua responden yang terlibat iaitu pelajar-pelajar di bawah Jabatan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (JPTV) dari IPG Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat dan IPG kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bharu. Jika bukan dengan kesudian anda sebagai responden, maka kajian ini tidak dapat disempurnakan.

Penghargaan juga ditujukan kepada keluarga, kawan-kawan seperjuangan, dan sahabat baik yang terlibat dalam membantu menyiapkan dan menjayakan projek ini dari segi kewangan, semangat dan sokongan.

Akhir kata, semoga Allah S.W.T melimpahkan rahmat ke atas mereka yang telah menyumbangkan kerjasama bagi menyiapkan Laporan Projek Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional ini. Terima kasih yang tidak terhingga sekali lagi.

Sekian, terima kasih.

## ABSTRAK

Standard Guru Malaysia (SGM) merupakan garis panduan kompetensi profesional keguruan yang perlu dicapai oleh setiap guru di Malaysia. SGM mengandungi tiga standard iaitu Standard 1 amalan nilai profesionalisme keguruan, Standard 2 pengetahuan dan kefahaman, serta Standard 3 kemahiran pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) terhadap tahap standard amalan nilai profesionalisme keguruan, tahap standard pengetahuan dan kefahaman serta tahap standard kemahiran pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kajian juga bertujuan mengenalpasti perbezaan kompetensi antara guru lelaki dan perempuan terhadap tahap SGM. Kajian tinjauan deskriptif yang menggunakan borang soal selidik berskala Likert lima telah diedarkan kepada 155 orang responden. Responden kajian ini melibatkan pelajar dari Jabatan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (JPTV) di Institusi Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat dan Institusi Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bharu. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan *Software Package for Social Science (SPSS) version 22.0*. Hasil analisis menunjukkan nilai skor min keseluruhan bagi persepsi bakal guru RBT terhadap tahap standard amalan nilai profesionalisme keguruan adalah pada interpretasi tinggi dengan nilai skor min keseluruhan 4.64. Seterusnya diikuti dengan skor min bagi persepsi bakal guru RBT terhadap tahap standard pengetahuan dan kefahaman serta tahap standard kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang kedua-duanya turut memperoleh interpretasi tinggi dengan nilai skor min keseluruhan 4.56 dan 4.60. Analisis tahap kompetensi bakal guru RBT berdasarkan kepada jantina pula menunjukkan tiada perbezaan persepsi antara lelaki dan perempuan. Hasil kajian mendapati terdapat tiga standard di dalam SGM Standard 1 amalan nilai profesionalisme keguruan, Standard 2 pengetahuan dan kefahaman serta Standard 3 kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang perlu diterapkan dalam program latihan perguruan bagi menghasilkan guru RBT yang cemerlang dan kompeten.

## ABSTRACT

Malaysia Teacher's Standard (MTS) is a guideline towards professionalism competency among teachers that are necessary to achieve by every teachers in Malaysia. MTS contained three standards stated as Standard 1 teacher's professionalism value practice, Standard 2 knowledge and understanding, as well Standard 3 teaching and learning skill. The purpose of this study is to identify the perception of Design and Technology teachers on the level of teacher's professionalism value practice standard, level of knowledge and understanding standard also the level of teaching and learning skill standard. Besides, this study also aims to identify the difference of competency level between male and female teachers on MTS level. This descriptive survey is using five Likert scale questionnaires and had been distributed to 155 respondents. The respondents of this study involved students from the Technical and Vocational Education Department (TVED) at Teacher's Education Institute Campus of Tun Hussein Onn, Batu Pahat and Teacher's Education Institute Campus of Temenggong Ibrahim, Johor Bharu. The data obtained were analyzed using Software Package for Social Science (SPSS) Version 22.0. The result shows that the overall mean score for teacher's perception toward professionalism value practice standard level was at high interpretation with mean score of 4.64. Followed by the mean score for teacher's perception on knowledge and understanding standard level, also teaching and learning skill standard level which both obtained overall mean score of 4.56 and 4.60. The analysis of competency level by Design and Technology teachers based on gender indicates that there is no difference between male and female perception. The findings shows that there are three standard in Malaysia Teacher's Standard which Standard 1 teacher's professionalism value practice, Standard 2 knowledge and understanding also Standard 3 teaching and learning skill that need to be applied in teaching training program to produce excellent and competent Design and Technology teacher.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGESAHAN</b>	<b>i</b>
	<b>TAJUK</b>	<b>ii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iii</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>v</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>x</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xi</b>
	<b>SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN</b>	<b>xii</b>
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	3
	1.2 Penyataan Masalah	6
	1.3 Objektif Kajian	6
	1.4 Persoalan Kajian	6
	1.5 Skop Kajian	7
	1.6 Kerangka Konseptual	7
	1.7 Kepentingan Kajian	8
	1.7.1 Guru-guru Reka Bentuk dan Teknologi	9
	1.7.2 Institusi-institusi Persediaan Guru	9
	1.7.3 Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)	10
	1.7.4 Penyelidik-penyelidik lain	10
	1.8 Batasan Kajian	10
	1.9 Definisi Terminologi	10
	1.9.1 Kompetensi	11
	1.9.2 Standard	11

	1.9.3	Guru	11
	1.9.4	Program Persediaan Guru	12
	1.9.5	Reka Bentuk dan Teknologi (RBT)	12
	1.10	Kesimpulan	13
<b>BAB 2</b>		<b>SOROTAN LITERATUR</b>	<b>14</b>
	2.0	Pengenalan	14
	2.1	Peranan Guru	14
	2.2	Standard Guru Malaysia (SGM)	16
	2.2.1	Keperluan Terhadap SGM	16
	2.3	Standard dalam SGM	17
	2.3.1	Standard 1 : Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan	18
	2.3.1.1	Domain Diri	18
	2.3.1.2	Domain Profesion	19
	2.3.1.3	Domain Sosial	20
	2.3.2	Standard 2: Pengetahuan dan Kefahaman	21
	2.3.3	Standard 3: Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran	22
	2.3.3.1	Kemahiran Menyediakan Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran	22
	2.3.3.2	Kemahiran Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran	23
	2.3.3.3	Kemahiran Memantau, Mentaksir, dan Menilai	24
	2.3.3.4	Kemahiran Mengurus Bilik Darjah	25
	2.4	Komponen Standard Guru Malaysia (SGM)	26
	2.4.1	Misi Nasional	27
	2.4.2	Falsafah Pendidikan Kebangsaan	28
	2.4.3	Falsafah Pendidikan Guru	28
	2.4.4	Tatasusila Profesion Keguruan	29

	2.4.5	Etika Kerja Kementerian Pelajaran Malaysia	29
	2.5	Pengenalan Terhadap Mata Pelajaran RBT	30
	2.5.1	Objektif Kurikulum Standard RBT	31
	2.6	Organisasi Kandungan RBT	32
	2.7	Penekanan dan Kaedah PdP	34
	2.7.1	Kemahiran Pengendalian Aktiviti dan Penilaian	36
	2.7.2	Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	39
	2.8	Kesimpulan	39
<b>BAB 3</b>		<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>40</b>
	3.0	Pengenalan	40
	3.1	Reka Bentuk Kajian	40
	3.1.1	Kerangka Reka Bentuk Kajian	41
	3.2	Populasi dan Persampel Kajian	43
	3.2.1	Persampelan Kajian	43
	3.3	Instrumen Kajian	44
	3.4	Kajian Rintis( <i>Pilot Test</i> )	46
	3.4.1	Kesahan ( <i>Validity</i> )	47
	3.4.2	Kebolehpercayaan ( <i>Realibility</i> )	48
	3.5	Kaedah Analisis Data	48
	3.6	Kesimpulan	49
<b>BAB 4</b>		<b>ANALISIS DATA</b>	<b>51</b>
	4.0	Pendahuluan	51
	4.1	Dapatan Kajian	52
	4.2	Analisis Demografi	52
	4.3	Analisis Persoalan Kajian Pertama	53
	4.4	Analisis Persoalan Kajian Kedua	55
	4.5	Analisis Persoalan Kajian Ketiga	57
	4.6	Analisis Perbezaan Tahap SGM dalam	59

	Kalangan Bakal Guru RBT antara Lelaki Dan Perempuan	
4.7	Ujian Normaliti Taburan Data	59
4.8	Hasil Ujian Normaliti Statistik (Kolmogorov -Mirnov dan Shapiro Wilks)	59
4.9	Penentuan Ujian Perbandingan antara Dua Min	60
4.10	Analisis Persoalan Kajian Keempat	60
4.11	Analisis Persoalan Kajian Kelima	61
4.12	Analisis Persoalan Kajian Keenam	62
4.13	Kesimpulan	63
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN, CADANGAN, DAN KESIMPULAN</b>	<b>65</b>
5.0	Pengenalan	65
5.1	Perbincangan Dapatan Kajian	66
	5.1.1 Perbincangan Objektif Kajian Pertama	66
	5.1.2 Perbincangan Objektif Kajian Kedua	68
	5.1.3 Perbincangan Objektif Kajian Ketiga	69
	5.1.4 Perbincangan Objektif Kajian Keempat	70
5.2	Rumusan Perbincangan	73
5.3	Cadangan Dapatan Kajian	74
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	74
5.5	Kesimpulan	74
	<b>RUJUKAN</b>	<b>76</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>85</b>
	<b>VITA</b>	<b>108</b>



## SENARAI JADUAL

<b>NO. JADUAL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Jadual 2.1	Tajuk dalam Kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi	33
Jadual 2.2	Perancangan dan Penilaian dalam Kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi	37
Jadual 3.1	Populasi dan Sampel Kajian	43
Jadual 3.2	Skala Likert	44
Jadual 3.3	Item-item Soal Selidik kepada Pelajar IPG	44
Jadual 3.4	Pekali Nilai Alpha Cronbach	47
Jadual 3.5	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	48
Jadual 3.6	Persoalan Kajian dan Analisis Statistik	49
Jadual 4.1	Interpretasi Skor Min	52
Jadual 4.2	Jumlah Responden dari setiap IPG	52
Jadual 4.3	Peratusan Jantina Responden	53
Jadual 4.4	Taburan Bangsa	53
Jadual 4.5	Skor Min Responden bagi Persoalan Pertama	54
Jadual 4.6	Skor Min Responden bagi Persoalan Kedua	56
Jadual 4.7	Skor Min Responden bagi Persoalan Ketiga	57
Jadual 4.8	Ujian Normaliti Data	60
Jadual 4.9	Ujian Statistik Persoalan Keempat	60
Jadual 4.10	Kedudukan	61
Jadual 4.11	Ujian Statistik Persoalan Kelima	62
Jadual 4.12	Kedudukan	62
Jadual 4.13	Ujian Statistik Persoalan Keenam	63
Jadual 4.14	Kedudukan	63

## SENARAI JADUAL

<b>NO. JADUAL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Jadual 2.1	Tajuk dalam Kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi	33
Jadual 2.2	Perancangan dan Penilaian dalam Kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi	37
Jadual 3.1	Populasi dan Sampel Kajian	43
Jadual 3.2	Skala Likert	44
Jadual 3.3	Item-item Soal Selidik kepada Pelajar IPG	44
Jadual 3.4	Pekali Nilai Alpha Cronbach	47
Jadual 3.5	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	48
Jadual 3.6	Persoalan Kajian dan Analisis Statistik	49
Jadual 4.1	Interpretasi Skor Min	52
Jadual 4.2	Jumlah Responden dari setiap IPG	52
Jadual 4.3	Peratusan Jantina Responden	53
Jadual 4.4	Taburan Bangsa	53
Jadual 4.5	Skor Min Responden bagi Persoalan Pertama	54
Jadual 4.6	Skor Min Responden bagi Persoalan Kedua	56
Jadual 4.7	Skor Min Responden bagi Persoalan Ketiga	57
Jadual 4.8	Ujian Normaliti Data	60
Jadual 4.9	Ujian Statistik Persoalan Keempat	60
Jadual 4.10	Kedudukan	61
Jadual 4.11	Ujian Statistik Persoalan Kelima	62
Jadual 4.12	Kedudukan	62
Jadual 4.13	Ujian Statistik Persoalan Keenam	63
Jadual 4.14	Kedudukan	63

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 1	Kerangka Konsep Kajian	8
Rajah 2	Susunan Aliran Komponen Standard Guru Malaysia	27
Rajah 3	Kurikulum Reka Bentuk dan teknologi (RBT)	31
Rajah 4	Carta Aliran Reka Bentuk Kajian	43

**SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN**

ABBM	Alat/Bahan Bantu Mengajar
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
FPG	Falsafah Pendidikan Guru
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
IPG	Institut Pendidikan Guru
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
MQF	<i>Malaysian Qualification Framework</i>
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
RBT	Reka Bentuk dan Teknologi
SGM	Standard Guru Malaysia
SKGM	Standard Kualiti Guru Malaysia
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Pendahuluan**

Kajian daripada Tamuri, Ismail, dan Jasmi (2012) telah menyatakan bahawa latihan guru yang berkualiti amat penting bagi merealisasikan matlamat dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Justeru itu, di dalam program latihan guru terdapat beberapa komponen asas nilai kompetensi guru yang perlu diberi tumpuan. Antara komponen asas tersebut ialah personaliti guru, ilmu pengetahuan, pengetahuan pedagogi kandungan, kemahiran yang pelbagai serta motivasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Dokumen Standard Guru Malaysia (SGM) dalam Kementerian Pendidikan Malaysia (2016) menetapkan kompetensi profesional yang perlu dicapai oleh guru, dan keperluan yang patut disediakan oleh agensi dan institusi latihan perguruan bagi membantu guru mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan. Di dalam kajian Idris dan Hamzah (2013) menyatakan, model Standard Guru Malaysia (SGM) adalah satu standard yang dapat menjadi penanda aras bagi para guru dan bakal guru di Malaysia dalam meningkatkan kualiti profesion keguruan.

Buletin Utusan Malaysia (2009) ada mengulas berkenaan isu pendidikan sempena Sambutan Hari Guru Kebangsaan 2009. Pada sambutan tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan sebuah buku Penilaian untuk guru iaitu Standard Kualiti Guru Malaysia (SKGM) hasil usaha Bahagian Pendidikan Guru (BPG), KPM. Kajian Tamuri *et al.*, (2012) telah mengulas tentang pelancaran buku SKGM tersebut

adalah satu panduan dalam melahirkan guru dan bakal guru yang berkualiti dan mampu melahirkan modal insan yang kamil dan cemerlang. Oleh yang demikian, program persediaan dan latihan yang intensif perlu diberi penekanan untuk meningkatkan kualiti kompetensi guru seterusnya merealisasikan objektif pengajaran dan pembelajaran (PdP) matapelajaran. Elemen dalam SGM harus diterapkan sebagai panduan asas dalam perancangan dan latihan guru (Tamuri *et al.*, 2012).

Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan satu inisiatif untuk meningkatkan ilmu pengetahuan guru dengan menawarkan pelbagai program untuk memartabatkan profesion perguruan. Dalam konteks profesion guru, pengalaman dan latihan merupakan dua aspek yang berbeza. Pengalaman merupakan pengetahuan empirikal manakala latihan lebih berbentuk teoritikal. Kedua-dua aspek ini diperlukan bagi mencapai tahap kecekapan guru yang diperlukan (Johari, Ismail, Osman & Othman, 2009). Program pengajian dan iktisas guru adalah faktor yang paling utama dalam menentukan kualiti guru dan kualiti pengajaran. Kementerian Pendidikan Malaysia (2016) telah mencatatkan bahawa Jemaah Menteri telah meluluskan 27 buah Maktab Perguruan di seluruh Malaysia dinaik taraf kepada Institut Pendidikan Guru (IPG). Daripada institusi yang hanya mengeluarkan graduan bertaraf diploma dan sijil, kini institusi ini telah mendapat mandat yang melayakkannya menganugerahkan Ijazah Sarjana Muda Perguruan. Implikasi naik taraf ni menjadikan IPG sebuah institusi pendidikan tinggi yang bertaraf universiti.

Selaras dengan perubahan taraf tersebut, IPG telah melaksanakan program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Terdapat pelbagai kursus yang ditawarkan mengikut jabatan. Matlamat Program Pensiswazahan Guru adalah untuk meningkatkan tahap kelayakan pendidikan Pegawai Pendidikan Lepas Diploma (PPPLD) di samping untuk menghasilkan guru-guru siswazah yang berkualiti dari segi penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran, dan keterampilan profesionalisme sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru (Fatimah, 2012). Program persediaan guru perlu mengikut satu standard yang telah ditetapkan iaitu Standard Guru Malaysia yang menggariskan aspek-aspek yang perlu diperkasa dalam setiap bakal guru. Tawaran pelbagai program latihan guru dalam pelbagai matapelajaran termasuklah subjek Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) yang berkualiti. Justeru, kajian ini ingin mengkaji persepsi

bakal guru terhadap elemen Standard Guru Malaysia (SGM) dalam program persediaan guru Reka Bentuk dan Teknologi (RBT).

Kurikulum Standard Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) digubal dengan memberikan fokus kepada standard kandungan dan standard pembelajaran yang perlu diketahui, difahami dan dikuasai oleh murid. Pendedahan awal terhadap kemahiran asas dalam bidang Teknikal, Teknologi Pertanian, Sains Rumah Tangga dan elemen merentas seperti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), Kreativiti dan Inovasi serta Asas Keusahawanan telah diberikan fokus dalam mata pelajaran RBT. Pembelajaran RBT merupakan pembelajaran yang akan mewujudkan pengalaman baru kepada murid. Berteraskan kaedah pembelajaran ini, murid akan melakukan aktiviti secara sendiri dengan lebih aktif untuk menguasai kemahiran praktis yang boleh digunakan dalam kehidupan seharian. Oleh itu, guru-guru dalam pengajaran Reka Bentuk dan Teknologi di Sekolah Rendah perlu kompeten semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) supaya objektif pembelajaran boleh dicapai dan menghasilkan murid yang kreatif dan inovatif (Harun, 2014).

Dokumen Kurikulum Standard RBT turut menerangkan tentang kemahiran yang diperlukan oleh guru-guru RBT dalam mengendalikan subjek ini. Guru perlu menyampaikan pengetahuan secara bersepadu dengan aktiviti yang hendak dijalankan kepada murid. Berbeza dengan penyampaian proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) subjek teori, RBT memerlukan guru untuk mendedahkan murid kepada kerja amali dan praktikal supaya mereka mampu meningkatkan kemahiran dalam keadaan yang sebenar (Sani, 2005). Oleh itu, kajian Harun (2014) telah menyatakan, untuk memastikan pelajar dapat menguasai matapelajaran RBT, guru perlulah mempunyai kemahiran pengajaran, pengetahuan subjek, menguasai bahan dan teknologi serta menggunakan Alat/Bahan Bantu Mengajar (ABBM) yang sesuai mengikut keperluan matapelajaran.

## **1.1 Latar Belakang Masalah**

Guru berperanan sebagai pendukung utama usaha melahirkan modal insan yang berkebolehan dan berkemahiran sebagai modal insan negara akan datang (Razak, 2013).

Bagi merealisasikan matlamat ini, semua guru dan bakal guru perlu menguasai pelbagai kemahiran dalam mengendalikan pelajar, pengajaran dan aspek lain yang terlibat dalam profesion keguruan (Zanzali *et al.*, 2010). Namun begitu, kajian Zanzali *et al.*, (2010) menyatakan bahawa kebanyakan guru pelatih tidak dapat mengaplikasikan kaedah-kaedah yang telah dipelajari ketika dalam program persediaan guru ke dalam kelas sebenar semasa di sekolah. Faktor ini menunjukkan kebanyakan guru pelatih masih lagi kurang kemahiran dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran. Mereka juga tidak dapat mengaplikasikan kemahiran strategi, kaedah, bahan pengajaran dan pengurusan pelajar.

Dalam kajian Harun (2014), beliau mendefinisikan kemahiran sebagai keupayaan individu dalam menggunakan dan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran yang diperolehi dalam melaksanakan tugas dengan cemerlang untuk mencapai sesuatu objektif. Kajian Harun (2014) lagi, mendapati masih ada guru yang tidak kreatif dalam menyampaikan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas atau di dalam bengkel. Keadaan ini menyebabkan pelajar sukar untuk memahami konsep dan kemahiran yang disampaikan terutamanya dalam pengajaran amali mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi ini. Kajian Abdullah dan Razak (2016) pula menyatakan, walaupun guru mempunyai pengetahuan yang luas dalam peningkatan teknologi, namun mereka masih gagal mengintegrasikan tingkat teknologi tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kesannya, proses pengajaran dan pembelajaran menjadi kurang menarik dan membosankan.

Harun (2014) turut memberikan definisi terhadap sikap iaitu nilai peribadi dan perlakuan yang perlu dihayati dan perlu diamalkan oleh individu. Dalam konteks kajian ini, sikap difokuskan kepada nilai peribadi yang perlu diamalkan oleh seorang guru. Menurut kajian Hassan, Tamuri, Othaman dan Mamat (2009), seorang guru perlu mempunyai keseimbangan antara intelek, rohani, emosi dan jasmani untuk menjadi contoh personaliti kepada pelajar. Namun, kajian mendapati terdapat bakal guru yang mempunyai sikap negatif terhadap profesion perguruan. Antaranya ialah kurang komitmen kerja, kurang dedikasi dan tidak bertanggungjawab terhadap tugas. Tugas sebagai seorang guru mempunyai tanggungjawab yang besar dalam membantu merealisasikan impian dan matlamat negara. Ekoran bebanan tugas ini, guru ada kalanya



menghadapi stress. Namun, bagi seorang guru yang mempunyai nilai kompetensi sikap yang baik, mereka pasti dapat menangani aspek-aspek stress ini (Taha, 2014).

Menurut kajian Taha (2014), segelintir guru melepaskan stress dan tekanan kepada pelajar dengan bertindak melepaskan kemarahan, denda yang melampau dan merungut. Sikap yang ditunjukkan ini tidak menggambarkan profesionalisme seorang guru. Menurut kajian Fauziah, Pihie, dan Mahyuddin (2003) dalam kajiannya yang bertajuk '*Stress di Kalangan Guru Wanita yang Mengajar Mata Pelajaran Kemahiran Hidup*' menyatakan bahawa profesion perguruan merupakan satu profesion yang mudah mendatangkan stress. Berdasarkan kajian Fauziah *et al.*, (2003) lagi, petanda stress dalam kalangan guru dapat dilihat melalui tindak balas psikologi seperti mudah marah, risau, mudah kecewa dan tidak boleh memberi tumpuan. Sikap seperti ini memberikan satu gambaran negatif terhadap profesion perguruan kerana mereka tidak mampu untuk menguruskan stress dan tekanan yang dihadapi.

Menurut kajian Sidin *et al.*, (2010) lagi, teknik pengajaran terutama mata pelajaran kemahiran hidup yang merangkumi subjek Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) tidak dijalankan dengan betul. Ini kerana, pengajaran matapelajaran hanya berlaku di dalam kelas tanpa melibatkan amali dan praktikal di bengkel. Guru seharusnya menguasai, memahami dan mahir dalam sesuatu mata pelajaran yang akan diajar kepada murid-murid serta arif berkenaan sistem pedagogi di dalam pengajaran yang akan dilakukan (Zanzali *et al.*, 2010). Namun begitu, menurut kajian Zanzali pada tahun 2010 lagi, beliau menyatakan penguasaan terhadap bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) adalah sangat penting. Faktor ini diterangkan dalam Standard Guru Malaysia bagi standard yang kedua yang menyatakan tentang Pengetahuan dan Kefahaman guru. Standard ini memperincikan kompetensi ilmu pengetahuan dan kefahaman berkenaan subjek pengkhususan, ilmu pendidikan, kurikulum dan kokurikulum yang perlu ada pada setiap guru.

Guru-guru yang mengajar subjek teknikal perlu bijak serta kreatif dalam pengajaran dengan memperbanyakkan penggunaan ABBM dalam pengajaran mereka (Azman, Azli, Mustapha, Balakrishnan, & Isa, 2014). Guru yang tidak mempunyai pengetahuan yang cukup dan tidak dapat mengaplikasikan kemahiran yang dimiliki merupakan masalah utama yang menyebabkan guru kurang kompeten dalam pengajaran

amali Reka Bentuk dan Teknologi di Sekolah Rendah. Di dalam kajian Tahir (2011), menyatakan bahawa guru yang tidak bersedia untuk menjalani proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) akan menyebabkan para pelajar kurang memberi tumpuan ketika sesi pembelajaran dijalankan. Selain itu tahap pedagogi seorang guru juga mempengaruhi keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Ee (2003), tahap kesediaan pedagogi guru atau tenaga pengajar yang kurang menjadikan penyampaian proses pengajaran dan pembelajaran kurang berkesan. Aspek ini merangkumi pengetahuan seperti pengetahuan isi pengajaran, penyampaian proses pengajaran, pedagogi dan iktisas dalam perguruan.

## **1.2 Penyataan Masalah**

Berdasarkan perbincangan di dalam latar belakang masalah, kajian terdahulu mendapati terdapat masalah utama yang wujud dalam kalangan bakal guru yang akan mengajar mata pelajaran Reka Bentuk Teknologi di Sekolah Rendah. Masalah yang dikenal pasti adalah kurangnya amalan nilai terhadap profesionalisme perguruan dalam kalangan bakal guru. Selain itu, kajian terdahulu juga mendapati, bakal guru masih lagi tidak dapat menguasai pengetahuan dan kefahaman tentang matapelajaran Reka Bentuk dan Teknologi yang akan diajar, tambahan lagi, terdapat bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi yang tidak dapat menguasai kemahiran pengajaran dan pembelajaran sebagaimana yang telah digariskan dalam Standard Guru Malaysia (SGM). Oleh itu, satu kajian diperlukan untuk mengenalpasti tahap persepsi bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi terhadap elemen Standard Guru Malaysia iaitu standard amalan nilai profesionalisme keguruan, standard pengetahuan dan kefahaman terhadap matapelajaran, dan standard kemahiran pengajaran dan pembelajaran.

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini ialah:

- (i) Mengenalpasti persepsi bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi terhadap tahap standard amalan nilai profesionalisme keguruan.
- (ii) Mengenalpasti persepsi bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi terhadap tahap pengetahuan dan kefahaman matapelajaran.
- (iii) Mengenalpasti persepsi bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi terhadap tahap kemahiran pengajaran dan pembelajaran.
- (iv) Mengenalpasti tahap kompetensi bakal guru Reka Bentuk dan teknologi berdasarkan kepada jantina.

### **1.4 Persoalan Kajian**

Berdasarkan permasalahan kajian yang dinyatakan, persoalan kajian adalah seperti berikut:


- (i) Apakah persepsi bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi terhadap tahap standard amalan nilai profesionalisme guru RBT?
- (ii) Apakah persepsi bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi terhadap tahap standard pengetahuan dan kefahaman matapelajaran RBT?
- (iii) Apakah persepsi bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi terhadap tahap standard kemahiran pengajaran dan pembelajaran matapelajaran RBT?
- (iv) Apakah tahap standard amalan nilai profesionalisme bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi di antara lelaki dan perempuan?
- (v) Apakah tahap standard pengetahuan dan kefahaman bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi di antara lelaki dan perempuan?
- (vi) Apakah tahap standard kemahiran pengajaran dan pembelajaran bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi di antara lelaki dan perempuan?

## **1.5 Skop Kajian**

Kajian ini memberi fokus kepada Standard Guru Malaysia (SGM) dalam program persediaan guru bagi subjek Reka Bentuk dan Teknologi (RBT). Aspek yang dikaji dalam kajian ini ialah persepsi responden terhadap keperluan setiap standard dalam SGM iaitu; Standard 1 Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan, Standard 2 Pengetahuan dan Kefahaman dan Standard 3 Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran. Kajian ini juga akan dijalankan untuk melihat perbezaan persepsi mengikut jantina terhadap ketiga-tiga standard dalam SGM. Kajian akan melibatkan responden dari Institut Pendidikan Guru yang mengambil kursus dalam Jabatan Kemahiran Hidup. Jabatan ini terdiri daripada empat unit pengajian, iaitu Unit RBT – Kemahiran Teknikal, Unit RBT – ekonomi Rumah Tangga, Unit RBT – Sains Pertanian dan Unit RBT – Perdagangan dan Keusahawanan.

## **1.6 Kerangka Konseptual**

Berikut merupakan kerangka teoritikal yang digunakan sebagai panduan penyelidikan. Kerangka konsep ini terbahagi kepada hubungan antara aspek kompetensi yang ada pada bakal guru RBT dan Standard Guru Malaysia dengan Standard Guru Reka Bentuk dan Teknologi. Aspek kompetensi yang perlu ada pada guru merangkumi kompetensi sikap, pengetahuan dan kemahiran. Perhubungan antara kompetensi dengan SGM ini menerangkan persoalan adakah kompetensi guru tersebut menepati Standard Guru Malaysia untuk menghasilkan standard guru bagi matapelajaran RBT. Elemen yang terdapat dalam SGM ialah amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Gabungan elemen ini akan menghasilkan satu standard bagi guru matapelajaran Reka Bentuk dan Teknologi. Kerangka konsep dalam Rajah 1 merupakan asas kepada pengkaji menjalankan kajian ini.



**Rajah 1:** Kerangka Konsep Kajian yang diadaptasi daripada kajian Harun (2014)

## 1.7 Kepentingan Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti kesan penerapan indikator-indikator Standard Guru Malaysia (SGM) dalam program persediaan guru di Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn (IPTHO) dan Institut Perguruan Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bharu. Oleh itu, diharapkan dapatan kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada semua pihak berkepentingan supaya lebih peka dan sedar akan kepentingan penerapan nilai standard dalam program persediaan guru. antara kepentingan-kepentingan tersebut adalah untuk pihak-pihak yang terlibat adalah seperti berikut:

### **1.7.1 Guru-guru Reka Bentuk dan Teknologi (RBT)**

Kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan berguna kepada guru-guru khususnya guru RBT yang bakal dihantar mengajar ke sekolah-sekolah bagi satu persediaan supaya mereka lebih berkompotensi dalam bidang pendidikan. Semua maklumat yang diperolehi daripada kajian ini mempunyai kepentingan yang tersendiri agar dapat memantapkan kemahiran yang ada pada setiap guru RBT. Selain itu, kajian dilakukan sebagai satu pendekatan untuk mendedahkan setiap bakal guru tentang kepentingan memahami indikator-indikator dalam SGM. Hal ini kerana, SGM menerangkan tentang garis panduan keperluan seorang guru dalam program persediaan. Indikator yang terdapat dalam SGM ialah amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Semua indikator ini merupakan perkara asas yang perlu diambilkira oleh seorang bakal guru dan juga guru sedia ada supaya mereka dapat memperbaiki kemahiran yang diperlukan dalam mendidik pelajar yang mengambil subjek RBT.

### **1.7.2 Institusi-institusi Program Persediaan Guru**

Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak institusi-institusi yang menyediakan program persediaan guru untuk lebih menerapkan Standard Guru Malaysia (SGM) dalam setiap program latihan perguruan yang dijalankan. Sesuai dengan konsep SGM yang bertindak menggariskan kompetensi profesional yang perlu dicapai oleh guru, dan perkara yang perlu disediakan oleh agensi dan institusi latihan perguruan dalam usaha untuk mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan. Kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada pihak institusi untuk mengetahui sejauhmana guru pelatih dapat mengaplikasikan standard-standard yang ditetapkan dalam bidang tugas mereka. Selain itu, kajian membantu institusi dalam melakukan penambahbaikan dalam program latihan perguruan supaya lebih berkesan.

### **1.7.3 Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)**

Kajian ini akan dapat memberikan maklumat tentang penerapan Standard Guru Malaysia (SGM) tentang sejauhmanakah penguasaan guru dan bakal guru terhadap SGM. Oleh itu, KPM boleh mengambil tindakan yang sewajarnya untuk meningkatkan nilai kompetensi guru menerusi program atau aktiviti yang tertentu. Hal ini kerana, kompetensi seorang guru merupakan faktor penting dalam membentuk modal insan negara yang cemerlang dalam pelbagai aspek.

### **1.7.4 Penyelidik-penyelidik lain**

Dapatan kajian akan dapat menambahkan sumber sorotan literatur kajian yang lebih mendalam dalam bidang pendidikan yang berfokuskan Standard Guru Malaysia (SGM) sebagai salah satu pendekatan untuk melahirkan guru yang berkompentensi. Selain itu, diharapkan kajian dapat dijadikan sebagai panduan dan perkongsian ilmu dalam kalangan pengkaji-pengkaji akan datang seterusnya membantu mereka untuk menjalankan kajian dengan lebih baik.

## **1.8 Batasan Kajian**

Beberapa batasan kajian yang akan dihadapi oleh penyelidik ialah seperti berikut.

Kajian ini hanya melibatkan Institut Pendidikan Guru (IPG) di sekitar Johor sahaja. IPG yang dikenalpasti ialah IPG Kampus Tun Hussein Onn di Batu Pahat dan IPG Kampus Temenggong Ibrahim di Johor Bharu. Batasan ini menyebabkan kajian tidak dapat menilai persepsi bakal guru RBT secara menyeluruh. Manakala, responden bagi kajian ini hanya melibatkan pelajar di bawah Jabatan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (JPTV) di setiap IPG. Ini kerana, kajian hanya melibatkan bakal guru RBT sahaja.

## **1.9 Definisi Terminologi**

Terdapat beberapa istilah dalam kajian yang boleh menjelaskan atau menerangkan maksud tertentu dan hanya benar dalam skop kajian ini sahaja. Oleh itu, ia didefinisikan dengan jelas dan teliti. Istilah-istilah yang digunakan ini diterangkan secara terperinci dalam penerangan di bawah.

### **1.9.1 Kompetensi**

Harun (2014) mendefinisikan kompetensi sebagai elemen kepada kompeten yang melibatkan keseluruhan sifat manusia, sifat yang boleh mengajar, memerhati, mengukur, praktik, diambil dari kompeten, fleksibel dan boleh ditukar ganti mengikut persekitaran, dan berterusan untuk dinilai dan didefinisikan semula. Kompetensi merupakan satu keperluan bagi menentukan keberkesanan guru dalam bidang pendidikan (Mahazani, 2010). Di dalam kajian ini, kompetensi bermaksud keupayaan bakal guru dalam menguasai sikap, kemahiran, dan pengetahuan bagi seorang guru yang mengikut Standard Guru Malaysia (SGM). Dalam kajian ini, SGM ialah standard yang digariskan dan perlu ada dalam kalangan bakal guru RBT untuk menjadi guru yang kompeten.

### **1.9.2 Standard**

Menurut penerangan di dalam Dokumen Standard Guru Malaysia (2009), standard didefinisikan sebagai pernyataan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru. Di dalam kajian ini, standard bermaksud satu penanda aras bagi kompetensi guru yang diperlukan.



### **1.9.3 Guru**

Menurut kajian Harun (2014), guru merupakan golongan yang berperanan memberi ajaran dan bimbingan kepada golongan yang perlu diajar dan dididik. Guru merupakan golongan yang memiliki ilmu dan kemahiran serta diberi tanggungjawab untuk menyampaikan ilmu dan pendidikan kepada masyarakat. Dalam kajian ini guru merupakan golongan yang akan menyampaikan ilmu dan mendidik pelajar dalam bidang Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di IPG.

### **1.9.4 Program Persediaan Guru**

Menurut dokumen Panduan Struktur Kursus Persediaan Guru yang dikeluarkan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (2015), program persediaan guru yang ditawarkan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) merupakan satu program persediaan yang ditawarkan kepada calon-calon lepasan SPM yang berminat untuk mengikuti program persediaan guru. Matlamat program ini adalah untuk menyediakan pelajar untuk melanjutkan pengajian ke PISMP yang dianjurkan oleh IPGM. Program ini menyediakan pelajar dengan pengetahuan isi kandungan yang berkaitan dengan bidang pengkhususan yang bakal diikuti oleh pelajar. Kursus-kursus di dalam program persediaan guru ini bertujuan untuk menyelia dan membantu mengukuhkan pengetahuan dalam kursus yang ditawarkan supaya dapat melahirkan guru sekolah yang berpengetahuan luas selaras dengan Standard Guru Malaysia.

### **1.9.5 Reka Bentuk dan Teknologi (RBT)**

Pada Tahap II, Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) diajar sebagai satu matapelajaran dalam KSSR. Mata pelajaran RBT memberikan tumpuan untuk menyediakan murid dengan pengetahuan dan kemahiran asas yang membolehkan mereka melanjutkan

pelajaran dalam bidang teknikal dan vokasional di peringkat menengah. Dalam kajian ini, Reka Bentuk dan Teknologi merupakan matapelajaran yang akan di ajar oleh bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi yang melibatkan pembelajaran teori dan amali.

### **1.10 Kesimpulan**

Secara kesimpulan, bab ini telah menerangkan tentang pengenalan kepada SGM, latar belakang masalah, pernyataan masalah, empat objektif kajian, enam persoalan kajian, skop kajian, kerangka konseptual, kepentingan kajian kepada pihak yang terlibat seperti guru-guru RBT, institusi –institusi program persediaan guru, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), dan penyelidik-penyelidik lain. Bab ini turut melibatkan batasan kajian, dan definisi terminologi berkenaan terminologi kompetensi, standard, guru, program persediaan guru, serta Reka Bentuk dan Teknologi (RBT), yang berkaitan dengan tajuk kajian iaitu iaitu Standard Guru Malaysia (SGM) dalam program persediaan bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi (RBT). Bab seterusnya akan menjelaskan tentang sorotan literatur, metodologi kajian, analisis data kajian serta perbincangan, cadangan dan kesimpulan bagi keseluruhan kajian, diharapkan semua bab dapat memberikan maklumat yang jelas dan bermakna.

## **BAB 2**

### **SOROTON LITERATUR**

#### **2.0 Pengenalan**

Pendidikan boleh diibaratkan sebagai kunci kepada usaha dalam menghasilkan modal insan yang seimbang dan dapat menyumbang kepada pembangunan negara secara lestari. Modal insan ini terhasil daripada proses pendidikan berkualiti selaras dengan keperluan negara menjelang abad ke-21 (Idris & Hamzah, 2013). Pendidikan berkualiti memerlukan guru yang mahir dan berkompentensi selaras dengan elemen Standard Guru Malaysia (SGM) yang menerangkan tentang perkara yang diperlukan dalam program persediaan guru. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran seorang pelajar, guru berkualiti memainkan peranan yang penting. Walaupun terdapat faktor lain yang perlu dinilai; latar belakang pendidikan, demografi pelajar, status ekonomi dan sosial pelajar. Namun, faktor guru merupakan sesuatu yang lebih dominan dan signifikan dalam menentukan keberhasilan modal insan (Jamil & Said, 2015).

#### **2.1 Peranan guru**

Mengikut penjelasan istilah yang digunakan dalam Dokumen Standard Guru Malaysia, Panduan Standard Guru Malaysia dan Instrumen Standard Guru Malaysia, istilah ‘guru’ merujuk kepada tiga kategori guru. Kategori yang dimaksudkan ialah guru terlatih yang sedang mengajar di sekolah, guru terlatih yang sedang mengikuti kursus dalam

perkhidmatan di institusi latihan perguruan, dan guru pelatih yang sedang mengikuti kursus praperkhidmatan di institusi latihan perguruan. Guru merupakan faktor penting sebagai perantara dalam bidang pendidikan untuk menyampaikan seberapa banyak ilmu pengetahuan kepada pelajar dan diaplikasikan dalam kehidupan sebagai suatu kemahiran (Guat *et al.*, 2013).

Profesion perguruan merupakan tugas mulia. Peredaran masa dan perkembangan dalam kemajuan telah membawa profesion perguruan ke suatu tahap yang lebih mencabar. Situasi ini menjadikan profesion perguruan berdepan dengan pelbagai tuntutan. Mereka bukan sahaja bertanggungjawab dalam menyampaikan proses pengajaran dan pembelajaran, malah mereka memainkan peranan yang lebih dominan dalam merealisasikan inspirasi negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara bagi memenuhi keperluan agama, bangsa dan negara (Mustapa & Arifin, 2015).

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2016), objektif pembangunan modal insan negara perlu dicapai dengan memberi fokus dan melaksanakan strategi untuk meningkatkan keupayaan dan penguasaan ilmu pengetahuan. Seajar dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara, iaitu:

*“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”*

Pengenalan kepada pembelajaran Abad ke – 21 kini telah memberikan satu cabaran baru bagi setiap insan yang bergelar guru. mereka bukan sahaja menjadi penyebar ilmu, malah perlu mempunyai pelbagai kemahiran dalam penggunaan teknologi, kemahiran berfikir aras tinggi dan kemampuan untuk mengembangkan potensi murid secara holistik dan menerapkan nilai-nilai murni demi membentuk modal insan yang berkeupayaan dan bersahsiah tinggi (Low, Zainuddin, & Ruhani, 2016). Dalam mencapai objektif dan matlamat ini, guru merupakan salah satu faktor penyumbang yang

sangat penting kerana mereka merupakan golongan yang berpendidikan dan mengetahui kaedah, strategi, dan mempunyai kebolehan dalam berinteraksi dengan pelajar. Oleh yang demikian, guru perlu menguasai pelbagai kemahiran untuk memenuhi hasrat dan matlamat negara. Kemahiran-kemahiran yang diperolehi oleh setiap guru dan bakal guru bermula daripada program persediaan guru daripada institusi-institusi pendidikan guru. Oleh itu, program persediaan bakal guru diperlukan dalam membentuk guru yang memenuhi kriteria Standard Guru Malaysia.

## **2.2 Standard Guru Malaysia (SGM)**

Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah yang proaktif dengan membangunkan Standard Guru Malaysia (SGM) sebagai garis panduan dan rujukan kepada guru, pendidik guru, agensi dan institusi pendidikan guru di Malaysia (Low *et al.*, 2016). Berdasarkan Dokumen Panduan Standard Guru Malaysia (SGM) cetakan pertama pada 2009 yang telah digubal oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, SGM adalah bertujuan untuk menggariskan kompetensi profesional yang perlu dicapai oleh setiap guru dan keperluan yang perlu ditekankan oleh agensi dan institusi latihan perguruan bagi mencapai tahap kompetensi yang telah ditetapkan. Panduan ini disediakan sebagai garis panduan dan rujukan kepada pihak yang terlibat terutamanya bakal-bakal guru dan institusi pendidikan guru untuk melahirkan dan melestarikan guru yang berkualiti.

### **2.2.1 Keperluan terhadap Standard Guru Malaysia (SGM)**

Model Standard Guru Malaysia (SGM) merupakan satu standard yang mampu menjadi kayu ukur kepada kualiti guru dan bakal guru. Oleh itu, dokumen SGM ini telah digubal untuk kali pertamanya pada tahun 2009 (Idris & Hamzah, 2013). Inisiatif seperti ini diambil oleh pihak berwajib untuk merealisasikan hasrat untuk menghasilkan guru yang kompeten dan berkualiti. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah

memberikan amanah sepenuhnya kepada Institut Pendidikan Guru (IPG) untuk menghasilkan produk guru yang berkemampuan memenuhi setiap standard-standard yang telah digariskan bagi seorang guru (Mustapa, 2012). Di dalam kajian Mustapa (2012) lagi, beliau menerangkan bahawa keberkesanan dalam pelaksanaan program pendidikan guru merupakan penentu kepada kompetensi dan kualiti bakal-bakal guru.

Struktur kurikulum dalam program pendidikan guru yang memberi penekanan terhadap keperluan program praktikum telah memberi peluang kepada guru pelatih untuk mengaplikasikan segala kemahiran dan teori yang telah dipelajari semasa tempoh pengajian. Pengaplikasian ini dilakukan di dalam bilik darjah atau kelas sebenar yang dapat membantu mereka meterjemahkan ilmu ke dalam bentuk praktikal (Ramli, Sihes, Hamdan, & Ismail, 2006). Semasa dalam tempoh program praktikum dilaksanakan, program ini memberi perhatian kepada penekanan terhadap latihan keguruan yang melibatkan aspek perancangan pengajaran dan pelaksanaan pengajaran, amalan refleksi, sikap dan sahsiah, nilai dan amalan profesionalisme keguruan, kemahiran pengajaran dan pembelajaran seperti yang telah digariskan dalam SGM (Ramli *et al.*, 2006).

Usaha meningkatkan kualiti profesionalisme guru bermakna satu proses menambahbaik kemahiran dan kompetensi diri berdasarkan perubahan persekitaran bagi menghasilkan produk berkualiti dalam pendidikan (Hassel, 2013). Kajian Ghani dan Adnan (2015), menunjukkan bahawa proses penambahbaikan dalam pendidikan hanya akan berlaku dengan wujudnya program perkembangan profesionalisme guru. Dengan kata lain, perkembangan profesionalisme guru merupakan mekanisme utama dalam memenuhi keperluan perubahan sistem pendidikan negara. Kepentingan terhadap profesionalisme guru ini disebut sebagai Standard 1 dalam SGM. Hasrat pendidikan berkesan ini hanya dapat dicapai apabila guru-guru sentiasa diterapkan dengan pelbagai program perkembangan profesionalisme yang terbaik oleh institusi-institusi yang terlibat.

### **2.3 Standard dalam Standard Guru Malaysia (SGM)**

Berdasarkan Dokumen Standard Guru Malaysia, terdapat tiga standard utama yang telah digariskan sebagai rujukan institusi pendidikan guru, guru-guru dan bakal-bakal guru. Standard tersebut ialah amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman, serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Standard yang terkandung dalam dokumen tersebut merupakan aspek penting yang perlu dikuasai oleh setiap bakal guru dan guru-guru yang sedang berkhidmat:

### **2.3.1 Standard 1: Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan**

Nilai profesionalisme keguruan bukan sahaja dinilai melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Malah, guru yang profesional adalah guru yang dapat mengamalkan pelbagai kemahiran profesionalisme yang dipelajari semasa di dalam program ikhtisas pendidikan. Ini kerana seorang guru merupakan elemen utama dalam bidang perguruan yang diamanahkan untuk mendidik pelajar di sekolah (Hamid, 2011). Kajian Chong (2012) menerangkan bahawa perubahan-perubahan yang berlaku di dalam sistem pendidikan negara adalah untuk memenuhi keperluan sistem pendidikan kini terutama dari aspek profesionalisme guru untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Perkembangan sistem pendidikan dan latihan di Malaysia cenderung kea rah kepada pembangunan sumber manusia yang mahir dalam bidang sains dan teknologi. Namun, kursus-kursus yang ditawarkan adalah khusus untuk membekalkan para guru pelatih dengan pengetahuan yang pelbagai terutama dari segi amalan dan nilai (Halim dan Salamuddin, 2000).

Falsafah Pendidikan Guru (FPG) yang telah diperkenalkan pada tahun 1982 merupakan lanjutan daripada Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang berfokus kepada ciri-ciri mulia, progresif dan saintifik. Di samping itu juga, guru perlu beriltizam untuk meningkatkan aspirasi kebangsaan dan mengiktiraf penerapan budaya kebangsaan untuk memastikan perkembangan setiap pelajar supaya melestarikan perpaduan, demokrasi dan masyarakat yang berdisiplin. Kajian Halim dan Salamuddin (2000) menerangkan lagi berkenaan profesionalisme keguruan di mana guru juga memainkan peranan dalam mengembangkan kemahiran dan membentuk akhlak pelajar. Guru juga memainkan

peranan sebagai perancang, pengurus, fasilitator, pembimbing dan sebagai contoh yang boleh diteladani oleh pelajar. Oleh itu, Dokumen Standard Guru Malaysia (SGM) telah menyenaraikan beberapa domain di bawah Standard Amalan Nilai Profesionalisme yang merangkumi domain diri, domain profesion, dan domain sosial.

### **2.3.1.1 Domain Diri**

Berdasarkan Dokumen Standard Guru Malaysia (SGM), domain diri yang digariskan merujuk kepada pegangan nilai keguruan yang sedia ada dan patut ditambah baik supaya guru boleh memberi sumbangan yang lebih efektif kepada profesion keguruan demi mencapai matlamat sistem pendidikan negara. Nilai-nilai yang difokuskan dalam domain diri ini ialah kepercayaan kepada Tuhan, amanah, ikhlas, berilmu, kasih sayang, sabar, dan sihat, kemahiran interpersonal dan intrapersonal, semangat sukarela dan efisien. Domain diri bagi bakal guru yang mengajar subjek-subjek kemahiran di bawah Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) perlu mempunyai keterampilan yang tinggi dari segi personaliti, pemikiran divergen, pemikiran kreatif, pemikiran kritis dan pemikiran strategik. Guru yang cemerlang dalam bidang PTV adalah guru yang efektif dan sangat penting kepada perubahan pendidikan dan kemajuan sekolah khususnya dalam bidang PTV (Suhaimi, Hamzah, & Udin, 2011).

Nilai profesionalisme keguruan dalam bidang PTV adalah penting kerana guru bukan sahaja perlu mahir dalam pengajaran teori, malah mampu mengelola latihan amali dan membentuk produk di bawah bidang PTV yang kini semakin mendapat perhatian dan permintaan yang tinggi dalam industri pada masa kini (Suhaimi *et al.*, 2011). Domain diri bagi profesionalisme guru di dalam PTV ialah kepercayaan kepada Tuhan, amanah, bertanggungjawab, yakin, berkempimpinan, ikhlas, berilmu, semangat sukarela, bertimbang rasa, kasih sayang, sabar, budi bahasa, adil, daya tahan, efisien, daya saing dan tahan lasak, cergas, aktif dan sihat, serta kemahiran interpersonal dan intrapersonal. Oleh itu, guru-guru yang bakal mengajar dalam bidang PTV terutamanya bakal guru RBT perlu menghayati Standard Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan ini agar dapat menjadi model kepada pengamal pendidikan serta pelajar pada masa akan datang.



### **2.3.1.2 Domain Profesion**

Di dalam Dokumen Standard Guru Malaysia (SGM), domain profesion diterangkan sebagai domain yang merujuk kepada pegangan nilai yang harus diamalkan secara telus oleh semua guru dalam menjalankan tugasnya sebagai guru yang profesional. Nilai-nilai yang ditekankan dalam domain ini adalah kecintaan terhadap profesion, berketerampilan, integriti, teladan, mengamalkan kerja sepasukan, proaktif, kreatif dan inovatif. Dengan tugas guru PTV yang semakin mencabar pada masa kini, semua guru telah diberikan satu piawai standard iaitu Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan yang digubal berdasarkan budaya Institut Pendidikan Guru (IPG), Tatasusila Profesion Keguruan, nilai murni dalam kurikulum sekolah, nilai utama dalam Perkhidmatan Awam, prinsip utama Etika Kerja KPM, dan Tonggak Dua Belas. Guru PTV mestilah terdiri dalam kalangan mereka yang mempunyai kecekapan profesional dan mahir dalam pekerjaan yang diajar. Nilai-nilai yang ditekankan dalam domain ini adalah kecintaan terhadap profesion, berketerampilan, integriti, teladan, mengamalkan kerja sepasukan, proaktif, kreatif, dan inovatif.

### **2.3.1.3 Domain Sosial**

Dokumen Standard Guru Malaysia (SGM) menggariskan domain sosial sebagai peranan guru sebagai agen sosialisasi dan penjana modal insan dalam masyarakat. Nilai-nilai utama yang seharusnya diamalkan oleh guru adalah keharmonian, kemahiran sosial, semangat bermasyarakat, patriotisme, dan kecintaan kepada alam sekitar. Pendidikan bukan sekadar menekankan unsur pengajaran dan pembelajaran, malah berperanan dalam membina nilai-nilai yang positif kepada masyarakat ke arah menuju sebuah negara yang maju dan moden (Zaidin, 2015). Dalam kajian Zaidin (2015) turut menerangkan pendidikan bukan hanya bertujuan untuk menghasilkan modal insan yang dapat meneruskan kehidupan, namun matlamat pendidikan turut melibatkan penghasilan modal insan yang seimbang antara jasmani, emosi, rohani, dan intelektual (JERI). Selain itu,

pendidikan juga perlu menerapkan nilai-nilai positif ke arah perkembangan insan yang seimbang dari segi akademik dan akhlak.

Pembelajaran yang berfokuskan penerapan nilai-nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran akan menghasilkan pelajar yang mempunyai sahsiah yang mulia. Kajian Othman (2010), ada menerangkan bahawa guru perlu memberi penekanan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang ada menerapkan nilai-nilai murni kerana ia adalah asas pembangunan kepada pembentukan nilai pelajar yang bermoral dan beretika. Penerapan nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah langkah utama untuk membentuk jati diri pelajar dalam membantu membanteras gejala dan masalah sosial yang berlaku di dalam negara (Omar, 2008). Oleh itu, nilai-nilai murni yang ada perlu diterapkan dalam diri pelajar sejak dari awal lagi ibarat kata pepatan “melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Standard yang telah ditetapkan dalam SGM ini jelas menunjukkan keseimbangan dalam pendidikan yang perlu mengambil berat tentang penerapan nilai-nilai murni untuk melahirkan pelajar yang mempunyai akhlak yang mulia.

### **2.3.2 Standard 2: Pengetahuan dan Kefahaman**

Merujuk kepada Dokumen Standard Guru Malaysia (SGM), standard 2 SGM ini memperincikan berkenaan kompetensi ilmu pengetahuan dan kefahaman tentang subjek pengkhususan, ilmu pendidikan, kurikulum dan kokurikulum yang perlu ada pada seorang guru. Setiap guru yang mempunyai pengetahuan yang tinggi dan menguasai ilmu matapelajaran yang akan diajarkan dengan baik dan mahir dapat meningkatkan profesionalisme keguruan, melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan serta lebih kreatif dan inovatif. Menurut kajian Ismail (2012), mata pelajaran Reka Bentuk dan teknologi (RBT) tidak cukup dengan pembelajaran secara teori sahaja. Ini kerana, pelajar perlu didedahkan dengan kerja amali yang lebih praktikal supaya mereka lebih kompeten dalam *hands-on skills*. Oleh itu, bakal guru RBT perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kefahaman yang mendalam tentang mata pelajaran yang akan diajar.

Standard Guru Malaysia (SGM) telah menetapkan perkara-perkara asas yang perlu dikuasai oleh semua guru. Bidang pengetahuan yang patut dikuasai oleh guru adalah seperti berikut:

- (i) Falsafah, matlamat, dan objektif pendidikan yang menjadi teras dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran.
- (ii) Falsafah, matlamat, objektif kurikulum dan kokurikulum, hasil pembelajaran dan keperluan pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran yang diajarkan.
- (iii) Kandungan mata pelajaran yang diajarkan.
- (iv) Kandungan ilmu pendidikan.
- (v) Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), media dan sumber pendidikan dalam pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum.
- (vi) Strategi untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif.
- (vii) Kaedah pentaksiran dan penilaian, penyelidikan tindakan untuk menambahbaik amalan pengajaran dan pembelajaran.
- (viii) Potensi murid dan cara mengembangkannya secara menyeluruh dan bersepadu.

Kajian Ismail (2012) menyebut berkenaan kepentingan peranan tenaga pengajar iaitu guru untuk mencapai matlamat Falafah Pendidikan Negara. Aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak akan tercapai sekiranya pelaksana hasrat tersebut tidak melaksanakan peranan secara berkesan. Guru perlu sentiasa bersedia untuk menghadapi sebarang permasalahan yang timbul semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Di dalam kajian Yeap (2007) menyatakan bahawa keperluan yang sangat utama bagi guru untuk mendapatkan latihan, pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi untuk mencapai isi pengajaran dan pembelajaran dengan baik. Oleh itu, guru-guru perlu mendapat latihan yang lebih holistik dalam mata pelajaran RBT tidak hanya pembelajaran yang berorientasikan peperiksaan sahaja. Guru perlu mengutamakan kerja-kerja amali dan praktikal bagi melatih kemahiran pelajar.

### **2.3.3 Standard 3: Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran**

Berdasarkan Dokumen Standard Guru Malaysia (SGM), standard 3 ini memperincikan kompetensi kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang patut dikuasai oleh seseorang guru. Antara perkara yang diberi perhatian ialah seperti berikut:

### **2.3.3.1 Kemahiran Menyediakan Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran**

Pendidikan pada masa kini lebih berfokuskan penghasilan modal insan kelas pertama yang cemerlang dari pelbagai sudut. Guru merupakan penggerak kepada aspirasi negara ini yang bertanggungjawab mendidik dan menyampaikan ilmu. Oleh itu, guru perlu memberi lebih banyak komitmen terhadap perancangan dan menyusun aktiviti untuk mengisi setiap proses pengajaran dan pembelajaran (Darus, Saat, dan Zakaria, 2013). Perancangan pembelajaran dan pengajaran perlu dibuat dengan merujuk kepada sukatan pelajaran, takwim, perbezaan kebolehan pelajar, pengetahuan sedia ada dan jangkaan pencapaian pelajar. Oleh itu, dalam merancang pembelajaran, guru perlu lebih jelas dengan aspek yang perlu diambil kira supaya perancangan yang dibuat sesuai mengikut keadaan dan masa (Darus *et al.*, 2013).

Berdasarkan kajian Othman (2010), rancangan pengajaran (*lesson plan*) merupakan catatan berkenaan perancangan yang menerangkan tentang susun atur proses pengajaran dan pembelajaran yang akan dijalankan. Rancangan pengajaran perlu disediakan dengan baik dan tersusun sebagai persediaan guru sebelum memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Rancangan pengajaran yang bagus adalah perancangan yang mengambilkira aspek sukatan pelajaran, latar belakang pelajar dan perbezaan kebolehan pelajar. Guru perlu peka dan mahir dalam menyediakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran supaya setiap pelajar dapat input yang sama rata tanpa mengira kelainan tahap kebolehan. Perancangan juga dilakukan bagi menyusun atur masa dan takwim yang telah ditetapkan untuk memastikan silibus diselesaikan mengikut waktu yang ditetapkan.

### **2.3.3.2 Kemahiran Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)**

## RUJUKAN

- Abdullah, S.N.A., & Razak, A.Z. (2016). Hubungan Dasar Latihan Dalam Perkhidmatan dengan Peningkatan Profesionalisme Guru-guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Daerah Petaling Utama. *The Online Journal of Islamic Education*, April 2016, Vol. 4, Isu. 1.
- Abd. Rashid, S. (2003). Pemikiran Profesional Keguruan Terhadap Kurikulum dan Pengajaran. *Seminar Penyelidikan Pendidikan Guru Peringkat Kebangsaan 2003*, 8.
- Ahmad, A., & Jingga N. (2015). Pengaruh Kompetensi Kemahiran Guru dalam Pengajaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar dalam Mata Pelajaran Sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. Bil. 3, Isu 2.
- Ahmad R., Hassan H., Ariffin A.A.W., (2014). Pembudayaan Kreativiti dan Inovasi dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi: Kajian ke atas Pelajar Universiti Malaysia Perlis. *Jurnal of Holistic Student Development*, Vol. 1, No.1.
- Ali, M. F., Ahmad, A. R., & Sitam, M. I. S. (2015). Pengetahuan Kompetensi ke Arah Peningkatan Aplikasi Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran Guru Sejarah. *Proceeding: 7<sup>th</sup> International Seminar on Regional Education, Volume 1, November 5-7, 2015*.
- Arbaa, R., Jamil, H., & Razak A., N. (2010). Hubungan Guru-Pelajar dan Kaitannya dengan Komitmen Belajar Pelajar: Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran antara Jantina Pelajar? *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(2)(2010): 61-69.
- Arbain, A. (2008). Pengurusan Bengkel Manipulatif: Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pengurusan Bengkel Kemahiran Manipulatif di sebuah SMK di Luar Bandar. *Universiti Teknologi Malaysia*.
- Arshad, Z. M., & Mustapha, R. (2017). Hubungan antara Beban tugas dengan Efikasi Diri dan Kepuasan Kerja Pensyarah di Kolej Vokasional. *Jurnal Sains Humanika*, 9: 1-5 (2017) 35-43, e-ISSN ISSN: 2289-6996.

- Ashraf, M. A., Ibrahim, Y., & Joarder, M. H. R. (2009). Quality Education Management at Private Universities in Bangladesh: An Exploratory Study. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan, Jil. 24*, 17 – 32.
- Azman, M.N.A, Azli, N.A., Mustapha, R., Balakrishnan, B., & Isa, N.K. (2014). Penggunaan Alat Bantu Mengajar ke Atas Guru Pelatih bagi Topik Kerja Kayu, Paip dan Logam. *Sains Humanika*.
- Baharuddin, M. H., Ahmad, A. R., & Yakub, N. M. (2015). Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Abad ke-21: Isu dan Cabaran. *Proceeding: 7<sup>th</sup> International Seminar on Regional Education, Volume 1, November 5-7, 2015*.
- Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2009). Dokumen Panduan Standard Guru Malaysia (SGM). *Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)*.
- Bogler, R. & Somech, A. (2004). Influence of Teacher Empowerment on Teacher's Organizational Commitment, Professional Commitment and Organizational Citizenship Behavior in Schools. *Teaching and Teacher Education 20(2004)277 – 287*.
- Celik, S. (2011). Characteristics and Competencies for Teacher Educators: Addressing the Need for Improved Professional Standards in Turkey. *Australian Journal of Teacher Education, 36(4)*.
- Che isa, Z., & Hj Aziz, N. (2016). Pembinaan Dan Penilaian Rancangan Pengajaran Harian ( Rph ) Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu : Kajian Di Malaysia, *1(October)*, 25–27.
- Chia L.L. (2014). Pengajaran Efektif dan Kerangka untuk Pengajaran. *Fakulti Pendidikan, Universiti Teknnologi Malaysia, Skudai, Johor Bharu*.
- Chong, E. K. M. (2012). Using blogging to enhance the initiation of students into academic research. *Computer & Education, 55*, 798-807.
- Dali, M. H. (2009). Pengurusan Bilik Darjah. *Teori dan Praktis. Kuala Lumpur: McGraw Hill. Pps 161 – 188. ISBN 978-983-3850-54-9*.
- Darus, F., Saat, R. M., & Zakaria, A. R. (2013). Transformasi Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mengenai Kemahiran Membuat Hipotesis dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, Julai 2013, Bil.1, Isu 3*.
- Dokumen Standard Guru Malaysia (2009). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pada pautan: <http://www.moe.gov.my/index.php/my/>

- Edlin & Rosinah. (2011). Penyelidikan Tindakan: Kaedah dan Penulisan. *Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn Bhd.*
- Ee., M. A. (2003). Pedagogi IV: Semester IV. *Fajar Bakti.*
- Fatimah Sulaiman, (2012). Konsep Pembelajaran Melalui *e-Learning*. *Jurnal Pendidikan Jarak Jauh, Vol. 8, 18-27.*
- Ghani, M. F., & Adnan, A.K. (2015). Model Program Perkembangan Profesionalisme Guru Malaysia : Satu Kajian Analisis Keperluan di Sekolah Berprestasi Tinggi dan Sekolah Berprestasi Rendah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan, April 2015, Bil. 2, Isu 2.*
- Hadi H. (2013). Profesionalisme Guru Novis dalam Pengajaran dan Pembelajaran.
- Halim, A. F. (2011). Penguasaan Guru Terhadap Tatacara Pengurusan Disiplin Sekolah : Satu Kajian Kes. *Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia Universiti Pendidikan Sultan Idris.*
- Halim, L., & Salamuddin, N. (2000). Orientasi Akademik: Pendekatan Alternatif dalam Program Pendidikan Guru Siswazah di Malaysia. *Akademika 56 (Januari) 2000: 47 – 64.*
- Hamid, N. I. (2011). Tahap Keyakinan dan Sikap Guru Terhadap Pengajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Menengah Zon Skudia dan Nusajaya, Johor. *Universiti Teknologi Mara, PSZ 19:16(Pind. 1/97).*
- Hanafi, N. F. (2016) Pembangunan dan Penentusahan Rubrik Pentaksiran Prestasi bagi Mentaksir Projek Reka Bentuk Seni Bina di Politeknik Malaysia. *Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).*
- Harun, Z., N. (2014). Kompetensi Guru dalam Pengajaran Amali Reka Bentuk dan Teknologi di Sekolah Rendah Daerah Batu Pahat.
- Hassan, S.N., Tamuri, A.H., Othaman, I. & Mamat, M.S. Kajian Persepsi Pelajar Terhadap tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM. *Journal of Islamic and Arabic Education 1(2), 2009 31 – 50.*
- Hassel, E. (2013). Profesional Development: Learning from the Best. *Oak Brook, Illinois 60523-1480 (800) 356-2735, North Central Regionl Educational Laboratory.*
- Ho, W. J., & Lee, S. S. (2016). Persepsi Pelatih PISMP tentang Kualiti Bimbingan Praktikum. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi Jilid 10, 2016.*

- Idris N. & Hamzah R. (2013). Nilai Profesionalisme Bakal Guru Berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia (SGM). *Jurnal Teknologi (Sciences and Engineering)*.
- Idris N.H., & Hamzah R. (2012). Nilai Profesionalisme Bakal Guru Berteraskan Indikator Standard Guru Malsyia (SGM). *Jurnal Teknologi*.
- Ismail, S. (2012) Kesiediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Mata Pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) Sekolah Rendah di Malaysia. *Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*.
- Ismail S. (2015). Pembangunan Insan Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Jurnal of Human Capital Development, Vol. 8, Isu: 2, M/s: 83-100*.
- Ismail, S. A., Taat, M. S., & Ali, J. M. (2016). Permuafakatan Sekolah dengan Komuniti dalam Pendidikan : Peranan Kepimpinan Transformasional dan Komunikasi Pengetua. *E-Proceeding International Conference on Postgraduate Research 2016 (ICPR2016) 1<sup>st</sup> – 2<sup>nd</sup> December 2016 E-ISBN 987-967-0850-72-5*.
- Jaffar M. I. (2001). Amalan Keselamatan di Bengkel Kerja Kayu Kejuruteraan Awam(Satu Tinjauan di Politeknik Ungku Omar, Politeknik Port Dickson, dan Politeknik Shah Alam). *Universiti Teknologi Mara*.
- James, A. J. E. (2014). Pengurusan Bilik Darjah : Strategi-strategi Mewujudkan Komuniti Pembelajaran Berkesan. *PTS Akademia, ISBN 978-967-0444-22-2, Pg 61 – 63*.
- Jamil M. & Said S. (2015). Kompetensi Guru Terhadap Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran: Suatu Pendekatan Teknik Fuzzy Delphi. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan. Bil. 1, Isu 3*.
- Jamil M.R., Said S. Azeez M.I. ( 2014). Kompetensi Guru Terhadap Pengurusan Pengajaran dan pembelajaran : Suatu Pendekatan Teknik *Fuzzy Delphi*. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan, Bil.1 Isu 3*.
- Johari, K., Ismail, Z., Osman, S., & Othman, A.T. (2009). Pengaruh Jenis Latihan Guru dan Pengalaman Megjar Terhadap Efikasi Guru Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia 34(20(2009): 3 – 14*.
- Kamaruddin, Z. (2008). Penglibatan Guru dalam Membuat Keputusan, Sokongan dalam Organisasi dan Komitmen Kerja. *Universiti Sains Malaysia*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) dengan Keupujian. Panduan Struktur Kursus PPISMP ambilan Jun 2015.



- Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). Dokumen Standard Guru Malaysia. Pada talian : <http://www.moe.gov.my/>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). Institut Pendidikan Guru Malaysia. Pada pautan : <http://www.moe.gov.my/my/profil-jabatan?div=59>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). Laman Web Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia. Pada talian: <http://www.moe.gov.my/>
- Kementerian Pendidikan Malaysia, KPM (2016). Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran) Reka Bentuk dan Teknologi, Darjah 6. *Bahagian Pembangunan Kurikulum*.
- Konting., M.M. (2005). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kosnin, A. M., Ahmad, M. C., & Pendidikan, F. (2010). pengetahuan dan kemahiran amali, guru PKPG.
- Kurikulum Standard Sekolah Rendah Reka Bentuk dan Teknologi Tahun Empat (2013). Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lim., H.L. (2011). Menentukan Kesahan Kandungan dalam Penyelidikan Pendidikan. *Pengukuran dan Penilaian, DP. Jilid 11, Bil 1*.
- Low, S. F., Zainuddin, A., & Ruhani, R. (2016). Standard Guru Malaysia : Tahap Pengetahuan Guru Pelatih PISMP IPG Kampus Ilmu Khas. *Jurnal Pendidikan Malaysia*.
- Mahazani, A. (2010). Development of a New Empirical Based Competency Profile for Malaysian Vocational Education and Training Instructors. *Proc. Of the 1<sup>st</sup> UPI International Conference on technical and Vocational Education and Training Bandung. UTHM*.
- Maulod., S. A., Chua., Y. P., Ahmad., H., Leong., M. W. & Alias., S. (2016). Kecerdasan Emosi Pengetua dan Hubungannya dengan Efikasi Kendiri Guru Sekolah Menengah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan, Bil. 3, Isu. 3*.
- Mohd, A. B., Binti, A., & Nawawi, M. (2016). Tahap Efikasi Guru Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Sekolah Di Sekolah-Sekolah Menengah Dalam Daerah Bachok, *1(October), 1-11*.
- Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Hj Johari, Ag Yusof Ag Chuchu, & Halimah Laji. (2014). Komunikasi guru dalam bilik darjah dan tingkah laku delinkuen murid sekolah menengah. *Jurnal Pemikir Pendidikan, 5, 59-77*.

- Moidunny., K. (2013). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian. *Artikel 17 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian*.
- Muhammad Faizal A. Ghani, M.F., Radzi, N.M, Ghavifekr, S., Kenayatullah, H.B., & Muhamad, M. (2014). Pengurusan Disiplin Murid Di Sekolah Kawasan Bandar Dan Luar Bandar: Perspektif Pemimpin Sekolah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, (April), 7–40.
- Mustapa A. & Arifin Z. (2015). Penentuan Dimensi Kualiti Guru Bahasa Arab di Malaysia. *Vol. 37, Isu. 1, Pages: 49-57*.
- Mustapa, S. (2012). Amalan Bimbingan Pengajaran Pensyarah dan Guru Pembimbing dalam Program Mentoring Praktikum Serta Impaknya Terhadap Kualiti Guru Pelatih (Practice Guidance Lecturer Teaching and Teacher Mentor in Mentoring Program Practicum and the Impact on the Quality of Teachers). *Jurnal Pendidikan Malaysia 38(1)*.
- Muthy G. (2013). Aras Penyoalan dan Pemikiran dalam Proses Pembelajaran Bahasa Melayu Murid Sekolah Rendah.
- Nor, N. N., Suhaimi, N. S., Wahab, N. S., Ismail, M. K., Noh, M. A., & Razak, K. A. (2015). Pelaksanaan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah: Satu Tinjauan di Putrajaya. *Proceeding: 7<sup>th</sup> International Seminar on Regional Education, November 5-7, 2015*.
- Noordin, S., & Matar, M.S. (2010). Tahap Kefahaman Pengetahuan Pedagogi dan Kandungan dalam Kalangan Pelajar Program Pendidikan Fizik. *Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*.
- Noordin, S., & Matar, S. M. (1998). Tahap Kefahaman Pengetahuan Pedagogi Dan Kandungan Dalam Kalangan Pelajar Program Pendidikan Fizik.
- Omar, A. (2008). Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional Semasa Menjalankan Amali Di Makmal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*.
- Osong, J. (2014). Kepuasan Graduan Terhadap Kualiti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan di Salah Sebuah Institusi Pendidikan Guru. *Jabatan PIPK, IPGK, Kota Kinabalu, Sabah*.
- Othman, M. K. (2010), Peranan Sekolah Dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan. *MALIM-SEA Journal of General Studies 11*.

- Othman, N. F. (2010). Penggunaan Sistem Rancangan Mengajar Harian Berasaskan Web (*E-Lesson Plan*). *Universiti Teknologi Malaysia, PSZ 19:16 (Pind. 1/97)*.
- Johan, O. M. & Ilias, S. Z. (2013). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Profesion Perguruan Di Kalangan Pelajar Tahun 4 Perdana Jabatan Pendidikan Teknikal Dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, UTM. *Educacion, 53(9), 266276*.
- Pallant, J. (2011). *SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS. 4<sup>th</sup> Edition. Pg: 212-230, ISBN 978 1 74237 392 8, Everbest Printing Co.*
- Radzi, M. (2010). Aplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi melalui Pembelajaran berasaskan Masalah. *Fakulti Pendidikan UTM , Pg: 1-19*.
- Razak, A. (2013). Kesiediaan Bakal Guru DPLI terhadap Mata Pelajaran Reka Cipta untuk Mengajar di Sekolah Menengah: Kajian di UTHM.
- Ramli, J., Sihes, A.J., Hamdan, A., R., & Ismail, M. (2006). Bimbingan Guru Pembimbing Terhadap Guru Pelatih dalam latihan Mengajar. *Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor*.
- Sani, M. A. M. (2004). Tinjauan Awal terhadap Pelaksanaan Kurikulum Baru Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Tingkatan Satu di Sekolah Menengah Sekitar Kawasan Skudai, Johor Bharu. *Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*.
- Shaari, A. S., Ghazali, M. I., Yusof, N. M., & Awang, M. I. (2016) Amalan Pedagogi Berpusatkan Pelajar dan Masalah yang Dihadapi Guru-guru Pelatih Program Pensiswazahan Guru untuk Mengamalkan Pedagogi Berpusatkan Pelajar Semasa Praktikum. *Proceeding of ICECRS, 1 (2016) 599-608 ISSN. 2548-6160. International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia*.
- Said, R. R., Jamian, A. R., & Sabil, M. A. (2016). Pengetahuan dan Kefahaman Skop Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah (SISC+). *International Journal of Education and Training (InJET) 2(2) November: 1 – 9 (2016)*.
- Sani, M.A. (2005). Tinjauan Awal Terhadap Pelaksanaan Kurikulum Baru Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) Tingkatan Satu di Sekolah Menengah Sekitar kawasan Skudai, Johor Bharu, Johor.
- Seman, A. A., & Kimi, W. (2014). Pentaksiran Berasaskan Sekolah: Satu Transformasi Pendidikan dalam Pembangunan Modal Insan di Malaysia. *Jurnal Kajian Pendidikan, 4(2) Desember 2014*.

- Sidin R., Long J., Abdullah K., & Mohamed P, (2001). Pembudayaan Sains dan Teknologi: Kesan Pendidikan dan Latihan di Kalangan Belia di Malaysia. *Jurnal Pendidikan* 27 (2001), Pg: 35-45.
- Siheh, A. J. & Ahmad., S. (2003). Hubungan Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tahun 4 Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Kemahiran Hidup di Fakulti Pendidikan UTM. *Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*.
- Suhaimi, N., Hamzah, R., & Udin, A. (2011). Profesionalisme Guru PTV dalam Membentuk Insan Sedar Kendiri (*Self-Actualization*). *Journal of Edaptures, Volume 1 September 2011, Pages 230 – 237*.
- Taha, N.M. (2014). Stress Guru yang Mengajar Subjek Reka Bentuk dan teknologi (RBT) di Sekolah Rendah di Kuantan.
- Tahir, M.L. (2011). Tahap Kesiapan Bakal Guru Tahun Akhir Perdana UTM (Kemahiran Hidup) Dalam Menceburi Profesion Perguruan.
- Tamuri, A.H., Ismail, M.f., & Jasmi., K.A. (2012). Komponen Asas untuk Latihan Guru Pendidikan Islam. *GJAT, Disember 2012, Vol. 2, Isu. 2, 53, ISSN: 2232 – 0474, E-ISSN: 2232 – 0482*.
- Tay, M. G., Sare K. & Bilung L. (2013). Kesiapan Pelajar Institusi Pendidikan Guru Dalam Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah. *Jurnal Penyelidikan Institusi Pendidikan Guru (IPG). Muka Surat: 1-23*.
- Toh, W. S. (2005). Penyelidikan Tindakan: Perkembangan Profesionalisme ke Arah Pengamalan Reflektif dan Penambahbaikan Sekolah. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2005*.
- Utusan Malaysia (2009). Isu Pendidikan – Sambutan Hari Guru Kebangsaan 2009. *Oleh Mohd Adha Mohd Zain*.
- Yaacob, I. (2015). Kecekapan Pengurusan Kelas Pendidikan Jasmani dalam Kalangan Guru Pra Perkhidmatan. *Universiti Sains Malaysia*.
- Yahaya, A., & Chinnapan, G. (2011). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di Johor Bharu. *Jurnal Pendidikan Malaysia Vol 34. Issue 2, Page 3-14*.
- Yasin, R.M., Mustapha R., Minghat, A.D., Jusoff K., Ishar A., & Shamsudin S. (2012). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan di Sekolah Menengah. *Asia Pacific Journal of Educators and Education, Vol. 27, 23-36*.

- Yeap, K. P (2007). Tahap Pencapaian Dan Pelaksanaan Kemahiran Proses Sains Dalam Kalangan Guru Pelatih. Universiti Sains Malaysia: *Tesis Sarjana Sastera*.
- Yunos, M., & Mahamod, Z. (2013). Penyepaduan Kemahiran Abad Ke-21 dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu Kali Pertama 2013. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Yunus, F. A. N., Rahim., M. B., Yasin., R. M. & Rus., C. R. (2014). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Pemindahan Pembelajaran berdasarkan Pendekatan Model Rasch: Kajian Rintis. *First Technical and Vocational Education International Seminar*.
- Yusof, R., Othman, N., & Karim, F. (2005). Strategi Pembelajaran Pengalaman Berasaskan Model Kolb dalam Pendidikan Perakaunan. *Jurnal Pendidikan 30 (2005) 113-128*.
- Zahid & Ali S.K. (2014). Impak Program Pensiswazahan Guru Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Jasmani di Sekolah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan. Bil. 1, Isu 3*.
- Zahidi, M., A. & Ali S., S., K. (2014). Impak Program Pensiswazahan Guru Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan di Sekolah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan, Bil. 1, Isu 3*.
- Zanzali, A., N. A. & Asri, A. H. (2010). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Keyakinan Guru Pelatih semasa Menjalani Latihan Mengajar.